

No. Soalan: 437
PR-1361-T01846

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD
YUSOFF
[RANTAU PANJANG]**

**SOALAN : Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd
Yusoff [Rantau Panjang] minta
MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
apakah tindakan Kerajaan terhadap isu
yang boleh menjejaskan nama baik dan
imej Malaysia di peringkat antarabangsa.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Rantau Panjang atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sesungguhnya sangat peka dan mengambil berat terhadap isu-isu yang boleh menjejaskan nama baik dan imej Malaysia di peringkat antarabangsa. Wisma Putra melalui Perwakilan Malaysia di luar negara sentiasa memantau isu-isu semasa yang melibatkan Malaysia di peringkat antarabangsa, termasuklah isu yang memberi gambaran dan fakta yang tidak tepat mengenai Malaysia.

3. Wisma Putra juga sentiasa bersedia untuk memberi penjelasan apabila diperlukan terhadap isu-isu yang menyentuh imej dan pendirian Malaysia. Sebagai contoh, YB Menteri Luar Negeri telah mengeluarkan kenyataan akhbar baru-baru ini bagi menangkis tohmahan berhubung penyertaan delegasi Israel di Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9), yang telah berlangsung di Pusat Konvesyen Kuala Lumpur dari 7 hingga 13 Februari 2018. Dalam kenyataan akhbar tersebut, YB Menteri Luar Negeri telah menegaskan bahawa penyertaan delegasi tersebut adalah berdasarkan jemputan yang dikeluarkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), melalui agensinya Program Penempatan Manusia PBB (*UN-Habitat*) selaku penganjur WUF9. Demi mempertahankan dasar luar negara, YB Menteri Luar Negeri telah menafikan sekeras-kerasnya tohmahan bahawa Malaysia kononnya secara senyap-senyap

mewujudkan hubungan dengan Israel melalui penganjuran Forum tersebut. YB Menteri Luar Negeri dengan itu telah melaksanakan tanggungjawabnya dalam memberikan penjelasan yang tepat kepada rakyat dan masyarakat antarabangsa berhubung pendirian Malaysia terhadap Israel yang tetap tidak berubah.

4. Selain daripada itu, adalah menjadi amalan kepada Wisma Putra dan Perwakilan Malaysia di luar negara untuk mengadakan pertemuan (*engagement*) dengan pihak Perwakilan Asing di Malaysia dan pihak yang berkepentingan di negara tuan rumah bagi menjelaskan dan memberikan gambaran dan fakta yang sebenar mengenai sesuatu isu yang menjadi perhatian masyarakat antarabangsa dari semasa ke semasa.

5. Dalam hubungan ini, Wisma Putra sentiasa bekerjasama rapat dengan semua kementerian dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat yang tepat mengenai isu-isu yang berbangkit dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.